MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE

Panduan Pengguna bagi Moratorium terhadap Ujian Genetik dan Insurans

JUN 2025



ISI KANDUNGAN

01 Pengenalan kepada Ujian Genetik 3

02 Moratorium terhadap Ujian Genetik dan Insurans 5

Lampiran A: Ringkasan Jenis Ujian / Maklumat Genetik dan Penggunaan oleh Syarikat Insurans 8

Lampiran B: Senario Kes 10

Lampiran C: Soalan-soalan Lazim 11

Kesimpulan Utama

- *Ujian genetik membantu meramal risiko kesihatan, mendiagnosis penyakit, dan mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat bagi mengurangkan risiko penyakit.*
- *Moratorium terhadap Ujian Genetik dan Insurans terpakai kepada semua syarikat insurans di Singapura.*
  - *Syarikat insurans tidak boleh mendesak anda untuk mengambil ujian genetik sebagai syarat untuk membeli insurans.*
  - *Syarikat insurans tidak boleh meminta atau menggunakan hasil keputusan ujian genetik ramalan kecuali dalam kes-kes tertentu.*
- *Sejarah keluarga dan diagnosis penyakit anda masih boleh diminta oleh syarikat insurans.*

PENGENALAN KEPADA UJIAN GENETIK

Ujian genetik ialah ujian yang menganalisis DNA[1], RNA, kromosom, atau gen tertentu seseorang untuk mengenal pasti perubahan (juga dikenali sebagai varian). Perubahan ini mungkin berkait dengan penyakit tertentu yang diwarisi, risiko menghidap penyakit tertentu, atau potensi mewariskan penyakit genetik kepada anak mereka. Ujian genetik menyokong pencegahan tersasar dan menggalakkan kesihatan dengan membolehkan:

- Pengesanan awal risiko yang diwarisi sebelum simptom dialami
- Mengurangkan penyakit kronik peringkat akhir
- Diagnosis penyakit yang lebih pantas dan tepat
- Penjagaan perubatan yang diperibadikan untuk merawat penyakit dengan berkesan
- Amalkan gaya hidup sihat untuk mengurangkan risiko penyakit

Ujian genetik boleh dikategorikan kepada ujian genetik **klinikal** dan **bukan klinikal**

[1] *Asid deoksiribonukleik (DNA) dan asid ribonukleik (RNA) adalah jenis asid nukleik yang menyimpan dan menghantar maklumat genetik dalam organisma hidup.*



Klinikal

Ujian genetik klinikal digunakan bagi tujuan perubatan. Ia boleh membantu:

- Mengesahkan atau menolak kemungkinan penyakit genetik pada seseorang yang sudah pun mempunyai simptom[2];
- Meramalkan sama ada seseorang berisiko mewariskan penyakit genetik kepada anak mereka;
- Meramalkan risiko bagi seseorang yang tiada simptom[3] pada masa ini untuk menghidap keadaan genetik di masa hadapan;
- Membimbing doktor untuk memilih ubat dan dos yang tepat yang paling berkesan dan bermanfaat untuk individu tersebut;
- Membimbing orang ramai cara mengamalkan gaya hidup lebih sihat bagi mengurangkan risiko menghidap penyakit; atau
- Mengesan atau meramal penyakit genetik pada janin semasa kehamilan.

Nota penting

Ujian genetik klinikal boleh memberikan pelbagai jenis maklumat bergantung kepada sama ada ia digunakan untuk meramal risiko pada masa hadapan (ujian genetik **ramalan**) atau untuk mengesahkan diagnosis (ujian genetik **diagnostik**). Perbezaan ini penting kerana ia menjejas bagaimana hasil keputusan ujian ditafsirkan oleh profesional penjagaan kesihatan dan bagaimana ia dirawat di bawah Moratorium. Contohnya:

- Ujian genetik bagi penyakit Huntington (HTT) yang dilakukan pada seseorang yang mempunyai simptom sedia ada (contohnya, pergerakan tersentak atau menggeliat secara tidak sengaja) atau hasil keputusan ujian tidak tipikal (contohnya, perubahan pengimejan resonans magnetik) akan dianggap sebagai diagnostik kerana ujian genetik mengesahkan diagnosis penyakit tersebut.
- Ujian genetik yang dilakukan pada seseorang yang tiada tanda atau simptom penyakit Huntington dianggap sebagai ramalan kerana ujian genetik meramalkan bahawa dia mungkin menghidap penyakit tersebut pada masa hadapan.

Bukan klinikal

Ujian genetik bukan klinikal tidak digunakan bagi diagnosis atau rawatan perubatan. Contoh-contoh termasuk ujian genetik yang memberi maklumat tentang:

- Kaitan seorang individu dengan moyang atau kumpulan moyang tertentu dan/atau berapa banyak genom seorang individu yang mungkin telah diwarisi daripada moyang dari kawasan geografi atau kumpulan etnik tertentu (ujian keturunan);
- Kecenderungan tingkah laku atau bakat, kapasiti prestasi (fizikal atau kognitif), atau respons terhadap keadaan persekitaran tertentu (contohnya, tekanan) (ujian tingkah laku/gaya hidup semula jadi) seorang individu; atau
- Respons seorang individu terhadap diet tertentu (ujian nutrigenomik).



Nota Penting

Sesetengah ujian genetik Terus kepada Pengguna (DTC) boleh mempunyai implikasi perubatan contohnya, ujian genetik DTC yang ditawarkan untuk kesejahteraan umum tetapi merangkumi penilaian tentang risiko genetik bagi keadaan perubatan. Pengguna harus berhati-hati dan mendapatkan nasihat daripada pengamal perubatan berdaftar.

[2] Individu simptomatik ialah seseorang yang mempunyai tanda dan simptom yang boleh dilihat atau dikesan yang berkait dengan penyakit atau keadaan.
[3] Individu asimptomatik ialah seseorang yang tiada tanda dan gejala yang boleh dilihat atau dikesan yang berkait dengan penyakit atau keadaan.

MORATORIUM TERHADAP UJIAN GENETIK DAN INSURANS



"Moratorium terhadap Ujian Genetik dan Insurans" oleh Kementerian Kesihatan (MOH) – Persatuan Insurans Hayat (LIA) melarang penggunaan hasil keputusan ujian genetik dalam penilaian risiko insurans. Moratorium ini mula diperkenalkan pada tahun 2021 ("Moratorium 2021") dan kemudian dipinda pada tahun 2025 ("Moratorium 2025").

Moratorium ini **melindungi hasil keputusan ujian genetik tertentu daripada digunakan oleh syarikat insurans dalam penilaian risiko insurans**, supaya anda berasa lebih terjamin apabila menjalani ujian genetik klinikal bagi rawatan perubatan atau menyertai perubatan jitu. Ia terpakai kepada semua ahli LIA yang merangkumi syarikat insurans hayat dan syarikat insurans semula yang dilesenkan untuk beroperasi di Singapura.



Perlindungan Utama Moratorium

Sila rujuk Lampiran A untuk ringkasan perlindungan.

(a)



Jika anda tidak pernah mengambil ujian genetik, syarikat insurans tidak boleh meminta atau mendesak anda (secara langsung atau tidak langsung) untuk menjalaninya bagi tujuan penilaian risiko insurans. Hal ini terpakai kepada SEMUA ujian genetik, termasuk ujian genetik diagnostik, ramalan, farmakogenetik atau saringan pranatal dan bayi baru lahir.

Perkara baharu di bawah Moratorium 2025

(b)



Jika anda telah menjalani ujian genetik yang dijalankan di bawah Program Ujian Genetik Hiperkolesterolemia Keluarga (FH) Nasional, syarikat insurans dilarang daripada meminta dan/atau menggunakan hasil keputusan ujian genetik FH anda (diagnostik dan juga ramalan) dalam penilaian risiko insurans.[4]

(c)



Jika anda pernah menjalani ujian genetik sebelum ini, syarikat insurans tidak boleh meminta dan/atau menggunakan hasil keputusan ujian genetik anda dalam penilaian risiko insurans (termasuk insurans kesihatan, pelan perlindungan bersepadu, insurans am, insurans kumpulan dan lain-lain), kecuali:

- Jika ujian tersebut adalah ujian genetik **diagnostik** (mengesahkan diagnosis), syarikat insurans boleh memintanya sebagai sebahagian daripada sejarah perubatan anda; atau
- Jika anda memohon insurans (i) hayat, (ii) hilang upaya kekal menyeluruh (TPD), (iii) penjagaan jangka panjang (LTC), (iv) penyakit kritikal (CI), atau (v) pendapatan hilang upaya, syarikat insurans boleh meminta ujian genetik ramalan anda hanya jika **kedua-dua syarat** berikut dipenuhi:
  - ✓ Jumlah dijamin/bayaran yang anda mohon adalah lebih tinggi daripada **Had Kewangan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium; dan
  - ✓ Ujian genetik ramalan yang anda ambil adalah salah satu daripada **Ujian Genetik Ramalan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium (iaitu, ujian genetik HTT bagi penyakit Huntington dan ujian genetik BRCA1/2 untuk barah payudara).

Sila lihat Jadual 1 untuk maklumat lanjut.

(d)



Moratorium tidak menjejas keupayaan syarikat insurans untuk meminta dan/atau menggunakan diagnosis atau sejarah keluarga mengikut amalan industri semasa. Contohnya, jika doktor mendiagnosis anda menghidap FH berdasarkan pemeriksaan klinikal dan/atau ujian genetik, syarikat insurans boleh meminta diagnosis tersebut didedahkan.

[4] Jika anda mengambil ujian genetik FH di luar Program Ujian Genetik FH Nasional, syarikat insurans tidak boleh meminta hasil keputusan ujian genetik ramalan tetapi boleh meminta hasil keputusan ujian genetik diagnostik.

JADUAL 1: SYARAT-SYARAT YANG HARUS DIPENUHI SEBELUM SYARIKAT INSURANS BOLEH MEMINTA HASIL KEPUTUSAN UJIAN GENETIK RAMALAN

Jenis Insurans yang Diluluskan	SYARAT 1 Melebihi Had Kewangan yang Diluluskan sebanyak (SGD) (diagregat bagi setiap hayat)	SYARAT 2 Ujian Genetik Ramalan yang Diluluskan
Hayat	$2,000,000 Jumlah Dijamin	Penyakit Huntington (HTT)
Hilang Upaya Kekal Menyeluruh (TPD)	$2,000,000 Jumlah Dijamin	
Penjagaan Jangka Panjang (LTC) (≥2 ADLs[5])	$3,000 Sebulan	
LTC (1 ADL)	$3,000 Sebulan	Penyakit Huntington (HTT) Barah Payudara (BRCA1) Barah Payudara (BRCA2)
Penyakit Kritikal (CI)	$500,000 Jumlah Dijamin	
Penyakit Hilang Upaya (DI)	$10,000 Sebulan	

Untuk penjelasan lanjut tentang Moratorium, sila rujuk Lampiran B dan C, yang mengandungi senario kes dan soalan-soalan lazim.

[5] *"Kegiatan Kehidupan Harian" atau "ADL" bermaksud kegiatan-kegiatan seperti (i) mandi atau membasuh, (ii) memakai baju, (iii) menyuap makanan, (iv) beralih tempat, (v) mobiliti dan (vi) menggunakan tandas.*



LAMPIRAN

LAMPIRAN A: RINGKASAN JENIS UJIAN / MAKLUMAT GENETIK DAN PENGGUNAAN OLEH SYARIKAT INSURANS

Jenis Ujian/Maklumat Genetik	**Individu:** Bolehkah syarikat insurans gunakan hasil/maklumat ujian saya?	**Ahli keluarga:** Bolehkah syarikat insurans gunakan hasil/maklumat ujian saya?
Ujian genetik Terus Kepada Pengguna	Tidak	Tidak
Ujian genetik yang dilakukan sebagai sebahagian daripada penyelidikan bioperubatan		
Ujian genetik FH yang dijalankan di bawah program ujian genetik FH nasional		
Ujian genetik ramalan	Tidak, kecuali kedua-dua syarat dalam Moratorium dipenuhi: i. Jumlah dijamin/bayaran yang anda mohon lebih tinggi daripada **Had Kewangan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium; dan ii. Ujian genetik ramalan yang anda ambil adalah salah satu daripada **Ujian Genetik Ramalan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium (iaitu, ujian genetik HTT untuk penyakit Huntington dan ujian genetik BRCA1/2 untuk barah payudara).	Tidak
Ujian genetik diagnostik	Ya, bagaimanapun, syarikat insurans dilarang daripada meminta atau mendesak individu (secara langsung atau tidak langsung) untuk menjalani ujian genetik diagnostik sebagai prasyarat untuk penilaian risiko insurans.	Ya, bagaimanapun, syarikat insurans dilarang daripada meminta atau mendesak individu (secara langsung atau tidak langsung) untuk menjalani ujian genetik diagnostik sebagai prasyarat untuk penilaian risiko insurans.
Diagnosis genetik pra-implantasi (PGD)[6], saringan genetik pranatal atau bayi baru lahir bagi penyakit kongenital		
Sejarah keluarga	Ya	Ya

[6] Diagnosis Genetik Pra-implantasi (PGD) merujuk kepada ujian genetik yang dilakukan pada embrio awal yang dihasilkan semasa persenyawaan in vitro sebelum implantasi.

LAMPIRAN B: SENARIO KES

Contoh-contoh berikut menerangkan bagaimana Moratorium terpakai dalam situasi lazim. Senario kes ini bertujuan membantu anda memahami bila anda perlu berkongsi maklumat dengan syarikat insurans dan bila anda dilindungi daripada berbuat demikian.

A

Saya tidak menunjukkan simptom dan belum didiagnosis menghidap Hiperkolesterolemia Keluarga (FH). Saya dijemput menyertai program ujian genetik FH nasional kerana salah seorang ahli keluarga saya telah didiagnosis menghidap FH. Saya kemudian didiagnosis menghidap FH melalui ujian genetik di bawah program nasional dan diberi preskripsi rawatan untuk mengurangkan risiko saya menghidap penyakit kardiovaskular pada masa hadapan.

Apa maknanya untuk anda:

- Ujian genetik anda untuk FH adalah ujian ramalan.
- Anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian genetik FH anda dengan syarikat insurans, kerana ujian genetik telah dijalankan di bawah program ujian genetik FH nasional.
- Bagaimanapun, syarikat insurans boleh meminta pendedahan dan/atau menggunakan diagnosis keadaan FH anda sebagai sebahagian daripada sejarah perubatan untuk penilaian risiko insurans.
- Ahli keluarga anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian genetik FH anda dengan syarikat insurans untuk permohonan insurans mereka sendiri, bagaimanapun syarikat insurans boleh meminta sejarah keluarga bagi FH.

B

Saya telah didiagnosis secara klinikal menghidap FH berdasarkan paras LDL-C dan sejarah keluarga tetapi tidak pernah mengambil ujian genetik untuk FH. Saya kemudian dijemput untuk menyertai program ujian genetik FH nasional dan menerima keputusan positif untuk FH melalui ujian genetik di bawah program nasional. Saya diberi preskripsi rawatan untuk mengurangkan risiko saya menghidap penyakit kardiovaskular pada masa hadapan.

Apa maknanya untuk anda:

- Ujian genetik anda untuk FH adalah ujian diagnostik.
- Anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian genetik FH anda dengan syarikat insurans, kerana ujian genetik telah dijalankan di bawah program ujian genetik FH nasional.
- Bagaimanapun, syarikat insurans boleh meminta pendedahan dan/atau menggunakan diagnosis keadaan FH anda sebagai sebahagian daripada sejarah perubatan untuk penilaian risiko insurans.
- Ahli keluarga anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian genetik FH anda dengan syarikat insurans untuk permohonan insurans mereka sendiri, bagaimanapun syarikat insurans boleh meminta sejarah keluarga bagi FH.

LAMPIRAN B: SENARIO KES

C

Saya telah mengambil ujian genetik dan hasilnya positif, tetapi saya tidak menunjukkan simptom dan tiada keabnormalan bagi semua ujian lain. Bagaimanapun, saya mempunyai sejarah keluarga bagi keadaan genetik ini.

Apa maknanya untuk anda:

- Ujian genetik anda adalah ujian ramalan.
- Anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian genetik ramalan anda dengan syarikat insurans, kecuali kedua-dua syarat dalam Moratorium dipenuhi:
  i. Jumlah dijamin/bayaran yang anda mohon lebih tinggi daripada **Had Kewangan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium; dan
  ii. Ujian genetik ramalan yang anda ambil adalah salah satu daripada **Ujian Genetik Ramalan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium (iaitu, ujian genetik HTT bagi penyakit Huntington dan ujian genetik BRCA1/2 untuk barah payudara).
- Syarikat insurans boleh meminta maklumat tentang sejarah keluarga.
- Ahli keluarga anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian genetik ramalan anda dengan syarikat insurans untuk permohonan insurans mereka.
- Sila rujuk Senario A jika anda telah mengambil ujian genetik ramalan untuk FH di bawah Program Ujian Genetik FH Nasional.

D

Saya telah didiagnosis menghidap sejenis penyakit, dan semasa penyertaan dalam kajian penyelidikan, saya menerima hasil keputusan ujian genetik yang relevan kepada diagnosis saya. Perlukah saya beritahu syarikat insurans tentang hasil keputusan ujian genetik ini semasa mendedahkan keadaan perubatan saya semasa proses permohonan?

Apa maknanya untuk anda:

- Anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian genetik anda dengan syarikat insurans, kerana ujian genetik telah dijalankan sebagai sebahagian daripada kajian penyelidikan.
- Syarikat insurans boleh meminta pendedahan dan/atau menggunakan diagnosis keadaan perubatan anda sebagai sebahagian daripada sejarah perubatan untuk penilaian risiko insurans
- Ahli keluarga anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian genetik anda dengan syarikat insurans untuk permohonan insurans mereka sendiri, bagaimanapun syarikat insurans boleh meminta sejarah keluarga bagi keadaan perubatan tersebut.

LAMPIRAN C: SOALAN-SOALAN LAZIM

Q Moratorium ini terpakai kepada siapa?

A Moratorium ini terpakai kepada penduduk Singapura (termasuk Warga Singapura, Penduduk Tetap Singapura, serta Penduduk yang mempunyai Pas Pekerjaan / Permit Kerja / Permit Pas).

Bagi bukan penduduk, Moratorium juga terpakai, kecuali untuk perlindungan yang berkaitan dengan penggunaan hasil keputusan ujian genetik ramalan untuk penilaian risiko:

i. Insurans hayat
ii. Insurans Hilang Upaya Kekal Menyeluruh (TPD)
iii. Insurans Penjagaan Jangka Panjang (LTC)
iv. Insurans Penyakit Kritikal (CI), dan
v. Insurans pendapatan hilang upaya

Bagi bukan penduduk yang memohon produk insurans yang dinyatakan di atas, syarikat insurans dibenarkan meminta sebarang hasil keputusan ujian genetik ramalan, tidak kira berapa jumlah dijamin atau bayaran polisi.

Q Adakah Moratorium terpakai kepada hasil keputusan ujian genetik saringan pranatal dan bayi baru lahir?

A Tidak, permintaan dan/atau penggunaan hasil keputusan daripada ujian genetik saringan pranatal dan bayi baru lahir (contohnya untuk gangguan metabolik) tidak termasuk dalam skop Moratorium. Penggunaan hasil keputusan ujian saringan pranatal dan bayi baru lahir yang dilakukan semasa di bawah penjagaan klinikal terserah kepada budi bicara syarikat insurans individu, sama seperti hasil keputusan ujian diagnostik yang lain.

LAMPIRAN C: SOALAN-SOALAN LAZIM

Q Bilakah Moratorium akan terpakai dan adakah ia terpakai kepada polisi insurans yang telah berkuat kuasa sebelum pelaksanaan Moratorium?

A Moratorium ini meliputi penilaian risiko insurans, dan terpakai kepada semua polisi insurans yang dipohon dan dinilai apabila Moratorium berkuat kuasa.

- Polisi yang ditandatangani pada atau selepas 30 Jun 2025, iaitu pelaksanaan Moratorium 2025, akan tertakluk kepada Moratorium 2025. Polisi yang telah pun berkuat kuasa sebelum pelaksanaan Moratorium 2025 akan kekal tertakluk kepada terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara pihak yang diinsuranskan dan syarikat insurans pada masa menandatangani kontrak.
- Polisi yang ditandatangani dari 27 Oktober 2021 hingga 29 Jun 2025, iaitu pelaksanaan Moratorium 2021, dan sebelum Moratorium 2025, akan tertakluk kepada Moratorium 2021.
- Ia tidak terpakai kepada polisi yang ditandatangani sebelum pelaksanaan Moratorium 2021.

Q Polisi insurans saya sudah berkuat kuasa sebelum pelaksanaan Moratorium. Adakah Moratorium terpakai kepada polisi saya yang sedia ada?

A Tidak, oleh kerana polisi ini telah pun berkuat kuasa, proses tuntutan dan hasil keputusan polisi insurans anda akan terus tertakluk kepada terma kontrak insurans seperti yang telah anda dan syarikat insurans persetujui sebelum pelaksanaan Moratorium.

LAMPIRAN C: SOALAN-SOALAN LAZIM

Q Bagaimanakah saya boleh tahu bahawa perlindungan Moratorium 2025 yang baru untuk program ujian genetik FH nasional terpakai kepada saya?

A Moratorium 2025 bagi program ujian genetik FH nasional terpakai kepada anda jika anda telah menjalani ujian genetik FH di Pusat Penilaian Genomik (GAC) sama ada melalui rujukan daripada doktor anda ke GAC, atau jika anda telah dihubungi oleh GAC untuk menjalani ujian genetik FH sebagai sebahagian daripada saringan berterusan.

Q Saya mengambil ujian genetik ramalan semasa saya tidak menunjukkan simptom. Selepas itu, saya mengalami keadaan genetik dengan tanda-tanda dan simptom semasa membuat permohonan insurans. Bolehkah syarikat insurans meminta pendedahan dan/atau menggunakan hasil keputusan ujian genetik ramalan saya sebelum ini dalam penilaian risiko insurans?

A Tidak, syarikat insurans tidak boleh meminta dan/atau menggunakan hasil keputusan ujian genetik ramalan yang diambil semasa anda tidak menunjukkan simptom, bagi tujuan penilaian risiko insurans, kecuali kedua-dua syarat dalam Moratorium dipenuhi:

i. Jumlah dijamin/bayaran yang anda mohon lebih tinggi daripada **Had Kewangan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium; dan

ii. Ujian genetik ramalan yang anda ambil adalah salah satu daripada **Ujian Genetik Ramalan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium (iaitu, ujian genetik HTT bagi penyakit Huntington dan ujian genetik BRCA1/2 bagi barah payudara).

Bagaimanapun, jika anda mengalami simptom atau telah didiagnosis dengan sesuatu keadaan semasa membuat permohonan insurans, anda harus mengisytiharkan simptom dan keadaan perubatan anda. Jika ujian genetik diagnostik telah dilakukan, ujian tersebut juga harus diisytiharkan (seperti mana-mana hasil keputusan ujian perubatan diagnostik lain). Syarikat insurans boleh menggunakan hasil keputusan ujian genetik diagnostik tersebut dalam penilaian risiko insurans.

Anda juga perlu mengikut proses permohonan insurans standard, termasuk melakukan pemeriksaan kesihatan terperinci/menjawab soal selidik.

LAMPIRAN C: SOALAN-SOALAN LAZIM

Q Apa akan berlaku jika saya secara tidak sengaja mendedahkan hasil keputusan ujian genetik ramalan kepada syarikat insurans?

A Moratorium terpakai untuk pendedahan secara tidak sengaja. Contohnya, syarikat insurans tidak boleh ambil kira hasil keputusan ujian genetik ramalan yang didedahkan secara tidak sengaja kecuali kedua-dua syarat dalam Moratorium dipenuhi:

i. Jumlah dijamin/bayaran yang anda mohon lebih tinggi daripada **Had Kewangan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium; dan

ii. Ujian genetik ramalan yang anda ambil adalah salah satu daripada **Ujian Genetik Ramalan yang Diluluskan** yang ditetapkan dalam Moratorium (iaitu, ujian genetik HTT bagi penyakit Huntington dan ujian genetik BRCA1/2 bagi barah payudara).

Jika hasil keputusan ujian genetik ramalan yang didedahkan secara tidak sengaja adalah baik (iaitu, keputusan negatif), syarikat insurans boleh menggunakannya dalam proses penilaian risiko bagi menentukan keputusannya.

Q Premium insurans saya lebih tinggi disebabkan sejarah keluarga saya, bagaimanakah Moratorium melindungi saya?

A Moratorium ini tidak menjejas keupayaan syarikat insurans untuk meminta dan menggunakan maklumat tentang sejarah keluarga, termasuk sama ada pemohon mempunyai ahli keluarga dengan diagnosis keadaan genetik untuk memaklumkan keputusan mereka tentang permohonan insurans.

👉 **Harap maklum:** Anda boleh serahkan ujian genetik ramalan sekiranya hasilnya baik (iaitu negatif bagi keadaan genetik yang diuji) kepada syarikat insurans anda. Bagaimanapun, ujian genetik ramalan yang baik tidak akan menjejas kos insurans kerana syarikat insurans mengambil kira faktor lain seperti sejarah keluarga, gaya hidup dan risiko persekitaran.

LAMPIRAN C: SOALAN-SOALAN LAZIM

Q Bagaimanakah saya boleh serahkan aduan atau maklum balas tentang pertikaian atau ketidakpatuhan yang disyaki terhadap Moratorium?

A

Jika anda mempunyai kebimbangan atau pertikaian tentang bagaimana syarikat insurans mengendalikan maklumat ujian genetik anda:

- Untuk semua pertikaian/kebimbangan: Anda boleh bekerjasama secara langsung dengan syarikat insurans untuk menangani aduan atau maklum balas tentang pertikaian atau ketidakpatuhan yang disyaki terhadap Moratorium.

- Untuk aduan tentang tuntutan insurans: Jika anda dan syarikat insurans gagal mencapai penyelesaian, anda boleh failkan aduan di Pusat Huraian Pertikaian Perusahaan Kewangan. Sebagai alternatif, anda boleh hubungi Pusat Pengantaraan Singapura (SMC) untuk pengantaraan.

FIDReC berfungsi sebagai tempat pertama untuk pengguna yang memerlukan pengantaraan pertikaian berkaitan tuntutan yang timbul daripada Moratorium (yang mana hubungan pelanggan sudah pun wujud); pengguna akan dirujuk ke SMC jika tiada hubungan sedia ada dengan syarikat insurans berkenaan dan sekiranya FIDReC tidak dapat kendalikan kes-kes yang timbul daripada Moratorium.

Untuk pertanyaan lanjut tentang Moratorium, anda boleh menulis kepada HCSA_Enquiries@moh.gov.sg.

Q Adakah Moratorium in mempunyai tarikh akhir?

A

Tidak, Moratorium ini terbuka tanpa tarikh luput. Ia disemak secara kerap dan dikemas kini jika perlu bagi mengikuti perkembangan pesat dalam ujian genetik.